- 3 (a) Encik Hamidi membuat pinjaman peribadi sebanyak RM30 000 daripada Bank Juara dengan kadar faedah 3.5% setahun. Tempoh bayaran balik ialah selama 10 tahun. Berapakah jumlah bayaran balik yang akan dibayar oleh Encik Hamidi?
- (b) Encik Osman membeli sebuah kereta yang berharga RM72 000. Dia membayar wang pendahuluan sebanyak 10% dan bakinya perlu dibayar secara ansuran selama 7 tahun. Kadar faedah sama rata 2.5% dikenakan oleh pihak bank. Berapakah bayaran ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Encik Osman?
- (c) Puan Mahani membeli sebuah rumah dengan harga RM400 000 untuk dijadikan rumah inap desa. Dia membayar wang pendahuluan sebanyak RM40 000. Selepas 20 tahun, dia menjual rumah itu dengan harga RM800 000. Jumlah pinjaman yang dilunaskan kepada pihak bank ialah RM550 000. Perbelanjaan lain yang dibayar oleh Puan Mahani semasa proses jual beli rumah adalah RM10 000.
- Sekiranya, dalam tempoh 20 tahun Puan Mahani memperoleh RM50 000 hasil daripada sewaan inap desa, hitung nilai pulangan pelaburan hartanah Puan Mahani

[9 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

(c)

TINGKATAN 4
MATEMATIK PENGGUNA : PENGURUSAN KEWANGAN

1 Jadual 1 menunjukkan pelan kewangan Encik Zaki pada bulan Jun 2021.

Pendapatan dan perbelanjaan	Pelan kewangan (RM)	
Pendapatan bersih		
Gaji bulanan	4 500	
Pendapatan pasif	400	
Jumlah pendapatan	4 900	
Tolak simpanan bulanan	400	
Tolak simpanan untuk kecemasan	300	
Baki pendapatan		P
Tolak perbelanjaan tetap		
Ansuran pinjaman rumah	1000	
Ansuran pinjaman kereta	750	
Insurans	350	
Jumlah perbelanjaan tetap		2100
Tolak perbelanjaan tidak tetap tetap		
Makanan dan isi rumah	1200	
Petrol	450	
Utiliti	500	
Jumlah perbelanjaan tidak tetap tetap		Q
Lebihan		R

Jadual 1

[9 markah]

- Hitung nilai P, Q dan R
- Hitung aliran tunai Encik Zaki. Tentukan sama ada Encik Zaki menguruskan kewangannya dengan cekap atau tidak cekap. Berikan justifikasi anda
- Pada bulan Julai 2021, Encik Zaki mendapat kenaikan gaji tahunan sebanyak RM300. Beliau bercadang untuk membeli sebuah motorsikal berharga RM9 000 dalam tempoh 36 bulan tanpa menggunakan simpanan tetap bulanan. Hitung simpanan bulanan beliau

untuk membeli motorsikal seterusnya tentukan sama ada beliau dapat mencapai matlamat kewangannya jika perbelanjaan tetap dan tidak tetap tidak berubah.

Jawapan

(a)

(b)

(c)

- 2 Jadual 2(a) menunjukkan perbelanjaan bulanan Encik Hafizullah . Beliau bekerja sebagai seorang doktor dan mendapat gaji bersih bulanan sebanyak RM10 500.

Perbelanjaan bulanan	RM
Ansuran pinjaman rumah	3 500
Ansuran pinjaman kereta	1 550
Bil utility	400
Petrol dan tol	550
Insurans	600
Perbelanjaan keperluan rumah	1400
Pemberian kepada ibu bapa	800

Jadual 2(a)

- (a) Encik Hafizullah menyimpan 15% daripada gaji bersihnya bagi simpanan bulanan dan 10% dana kecemasan. Lengkapkan jadual 2(b) bagi untuk membantu Encik Hafizullah menyediakan pelan kewangannya.
- (b) Encik Hafizullah bercadang untuk membeli sebuah kereta baharu yang memerlukan sebanyak RM5 000 sebagai bayaran pendahuluan dalam tempoh masa 1 tahun. Merujuk kepada pelan kewangan yang disediakan, bolehkah matlamat kewangan Encik Hafizullah tercapai.

[7 markah]

Pendapatan dan perbelanjaan	Pelan kewangan (RM)	
Pendapatan bersih		
Gaji bulanan	10 500	
Pendapatan pasif	0	
Jumlah pendapatan	10 500	
Tolak simpanan bulanan	P	
Tolak simpanan untuk kecemasan	Q	
Baki pendapatan		R
Tolak perbelanjaan tetap		
Ansuran pinjaman rumah	2500	
Ansuran pinjaman kereta	1550	
Insurans	600	
Jumlah perbelanjaan tetap		4650
Tolak perbelanjaan tidak tetap tetap		
Perbelanjaan keperluan rumah	2000	
Petrol	550	
Utiliti	400	
Ibu bapa	800	
Jumlah perbelanjaan tidak tetap		T
Lebihan		U

Jadual 2(b)

Jawapan :

(a)

(b)

- 3 Jadual 3 menunjukkan pendapatan, simpanan tetap dan perbelanjaan bulanan Encik Shidi. Beliau merancang untuk membawa keluarganya bercuti di Sabah dalam tempoh 10 bulan. Anggaran perbelanjaan percutian ini ialah RM5 000.

Pendapatan aktif	RM6 000
Pendapatan Pasif	RM 300
Simpanan bulanan	15% daripada gaji
Perbelanjaan tetap	RM3 500
Perbelanjaan tidak tetap	RM2 000

Jadual 3

- (a) Hitung simpanan bulanan Encik Shidi
- (b) Berapakah simpanan bulanan tambahan yang harus disimpan oleh Encik Shidi untuk mencapai matlamatnya tanpa menggunakan simpanan tetap bulanan?
- (c) Tentukan sama ada Encik Shidi dapat mencapai matlamat itu tanpa menggunakan simpanan tetap jika kesemua pendapatan, simpanan tetap dan perbelanjaan bulannya tidak berubah dalam tempoh 10 bulan. Beri justifikasi anda.
- (d) Berikan cadangan untuk beliau agar dapat mencapai matlamat kewangannya.

Jawapan :

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)

TINGKATAN 5
MATEMATIK PENGGUNA : INSURANS

1 Jadual 1 menunjukkan pengkadaran premium bawah Tarif Motor bagi polisi motor yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Kapasiti enjin tidak melebihi (cc)	Semenanjung Malaysia <i>Peninsular Malaysia</i>		Sabah dan Sarawak	
	Polisi komprehensif (RM)	Polisi pihak ketiga (RM)	Polisi komprehensif (RM)	Polisi pihak ketiga (RM)
1 400	273.80	120.60	196.20	67.50
1 650	305.50	135.00	220.00	75.60
2 200	339.10	151.20	243.90	85.20
3 050	372.60	167.40	266.50	93.60
4 100	404.30	181.80	290.40	101.70
4 250	436.00	196.20	313.00	110.10
4 400	469.60	212.40	336.90	118.20
Melebihi 4 400	501.30	226.80	359.50	126.60

Jadual 1

Berikut ialah maklumat kereta Encik Suhaimi yang menetap di Muar, Johor.

Jumlah yang ingin diinsuranskan	: RM100 000
Kapasiti enjin	: 2 000 cc
NCD	: 45%

Dengan merujuk kepada Jadual Tarif Motor 2015, hitung premium kasar bagi kereta Encik Suhaimi bagi polisi komprehensif, polisi pihak ketiga, kebakaran dan kecurian, dan polisi pihak ketiga.

Jawapan :

Polisi Komprehensif

(i)	RM1 000 yang pertama	
(ii)	Nilai baki jumlah yang diinsuranskan	
(iii)	Premium asas	
(iv)	NCD (45%)	
(v)	Premium Kasar	

Polisi pihak ketiga, kebakaran dan kecurian

(i)	Premium asas	
(ii)	NCD 45%	
(iii)	Premium Kasar	

Polisi pihak ketiga,

(i)	Premium asas(RUJUK JADUAL)	
(ii)	NCD 45%	
(iii)	Premium Kasar	

2. Jadual 2 menunjukkan kadar premium bagi setiap RM1 000 nilai muka insurans hayat yang ditawarkan oleh Rahmat Insurans.

Umur	Lelaki (RM)		Perempuan (RM)	
	Bukan perokok	Perokok	Bukan perokok	Perokok
27	2.12	2.72	1.18	1.40
28	2.12	2.73	1.19	1.42
29	2.12	2.75	1.21	1.44
30	2.12	2.79	1.23	1.46

Jadual 2

Hitung premium tahunan yang perlu dibayar oleh setiap pemegang polisi yang berikut.

- Cik Laura berumur 28 tahun dan tidak merokok. Beliau ingin mendapatkan perlindungan insurans sebanyak RM170 000.
- Encik Micheal seorang perokok dan berumur 30 tahun. Beliau ingin mendapatkan perlindungan insurans sebanyak RM100 000 dan juga tambahan polisi penyakit kritikal. Rahmat Insurans telah menawarkan polisi penyakit kritikal kepada Encik Micheal dengan memberi perlindungan sebanyak 30% daripada nilai muka asas dengan kadar premium bagi setiap RM1 000 ialah RM1.128 .

Jawapan

(a)

(b)

- 3 Pada bulan Januari 2020, Puan Laila membeli suatu polisi insurans perubatan dengan deduktibel RM5 000 setahun dan had tahunan sebanyak RM150 000. Namun pada bulan April tahun yang sama, Puan Laila telah mengalami kemalangan yang mengakibatkan kakinya patah. Kos rawatan yang dikenakan oleh pusat perubatan adalah sebanyak RM12 000.
- (a) Hitung kos rawatan yang ditanggung oleh Puan Laila.
 - (b) Pada bulan Februari 2021, Puan Laila telah disahkan menghidap penyakit barah dan jumlah kos rawatan ialah RM130 000. Hitung jumlah pampasan yang telah dibayar oleh syarikat insurans dalam dua tahun itu.

Jawapan :

(a)

(b)

- 4 Encik Ravi telah membeli insurans kebakaran untuk rumahnya. Nilai boleh insurans rumahnya ialah RM400 000. Polisi insurans kebakaran yang dibelinya mempunyai peruntukan ko-insurans untuk menginsuranskan 80% daripada nilai boleh insurans hartanya dan deduktibel sebanyak RM2 000.
- (a) Hitung jumlah insurans yang harus dibeli oleh Encik Ravi bagi rumahnya itu.
 - (b) Rumah Encik Ravi telah mengalami kebakaran dan jumlah kerugiannya adalah sebanyak RM30 000. Hitung bayaran pampasan yang akan diterima Encik Ravi jika dia menginsuranskan rumahnya dengan jumlah RM250 000. Seterusnya, hitung nilai penalti ko-insurans.
 - (c) Encik Ravi telah menginsuranskan rumahnya mengikut jumlah di 4(a). Jika keseluruhan rumahnya hangus terbakar, adakah dia akan menerima bayaran pampasan sebanyak RM400 000. Berikan justifikasi anda.

Jawapan :

(a)

(b)

(c)

- 5 (a) Puan Fauziah ingin membeli insurans hayat dengan nilai muka sebanyak RMp . Kadar premium tahunan bagi setiap RM1 000 nilai muka yang ditawarkan oleh syarikat insurans kepada Puan Fauziah ialah RM2.15. Hitung nilai p jika premium tahunan yang perlu dibayar oleh Puan Fauziah berjumlah RM516.
- (b) Encik Ahmad mempunyai polisi insurans perubatan utama dengan deduktibel sebanyak RM2 000 dan peratusan ko-insurans 80/20. Dalam suatu kejadian, Encik Ahmad telah dimasukkan ke hospital dan kos perubatan yang dikenakan oleh hospital ialah sebanyak RM35 000. Hitung kos perubatan yang perlu ditanggung oleh syarikat insurans dan kos yang perlu ditanggung oleh Encik Ahmad sendiri.

Jawapan :

(a)

(b)

- 6 Jadual 6 di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat polisi insurans perubatan bagi Pelan Amerald dan Pelan Topaz yang ditawarkan oleh syarikat insurans. Peratusan ko-insurans dalam polisi Pelan Topaz tidak dinyatakan.

FAEDAH	PELAN AMERALD	PELAN TOPAZ
HAD TAHUNAN	RM250 000	RM250 000
DEDUKTIBEL	RM 500	RM5 000
KO-INSURANS	80/20	

Jadual 6

- (a) Puan Cindy membeli insurans perubatan Pelan Amerald. Dia telah menjalani suatu pembedahan dengan jumlah kos RM30 000. Hitung jumlah kos yang ditanggung oleh Puan Cindy dan syarikat insurans.
- (b) Encik Sudin membeli insurans perubatan Pelan Topaz. Dia telah menjalani suatu pembedahan dengan jumlah kos RM115 000. Bayaran kos yang ditanggung oleh syarikat insurans ialah RM88 000.
- (i) Hitung bayaran kos yang ditanggung oleh Encik Sudin.
- (ii) Nyatakan penyertaan peratusan ko-insurans dalam polisi Encik Sudin.

Jawapan :

(a)

(b) (i)

(ii)

TINGKATAN 5
MATEMATIK PENGGUNA : PERCUKAIAN

- 1 Puan Eta memiliki banglo yang berkeluasan 5 000 kaki persegi. Anggaran nilai tahunan banglo itu ialah RM6 000.
- (a) Hitung jumlah cukai pintu yang perlu dibayar oleh Puan Eta dengan mengambil kira kadar cukai pintu sebanyak 5%
 - (b) Hitung cukai tanah yang perlu dibayar oleh Puan Eta jika kadar cukai tanah ialah pada kadar RM0.04 bagi setiap kaki persegi.
 - (c) Puan Eta telah menerima notis tuntutan cukai tanah dalam Borang 6A kerana tidak membuat bayaran cukai tanahnya. Apakah kesan sekiranya beliau gagal menjelaskan cukai dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis tuntutan?

Jawapan :

(a)

(b)

(c)

- 2 Jadual 2(a) menunjukkan kapasiti enjin dua buah kereta milik Puan Nora manakala Jadual 2(b) menunjukkan kadar cukai jalan milik persendirian di Semenanjung Malaysia.

KERETA	KAPASITI ENJIN
Perodua Myvi 1.3	1 329 cc
Honda Civic 1.8	1 799cc

Jadual 2(a)

Kapasiti Enjin	Kadar cukai jalan	
	Kadar asas	Kadar progresif
1 201 cc-1 400 cc	70.00	
1 601 cc-1 800 cc	200.00	+RM0.40 setiap cc melebihi 1 600cc

Jadual 2(b)

Hitung cukai jalan yang perlu dibayar oleh Puan Nora untuk kedua-dua keretanya.

Jawapan :

(a)

- 3 (a) Puan Hadijah menyewa sebuah bilik hotel dengan kadar RM x semalam. Diberi bahawa hotel itu mengenakan cukai perkhidmatan 6%. Hitung nilai x jika Puan Hadijah menyewa bilik di hotel itu untuk tiga malam dan perlu membayar cukai perkhidmatan sebanyak RM63.
- (b) Encik Zaini dan keluarga menikmati makan malam di sebuah restoran makanan segera yang dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak 6%. Beliau membeli 2 set ayam panggang yang berharga RM15.00 , 2 set kambing panggang yang berharga RM25.00 dan 3 set spageti yang berharga RM12.00. Hitung
- (i) amaun cukai perkhidmatan yang dibayar oleh Encik Zaini
- (ii) jumlah amaun yang dibelanjakan untuk makan malam itu.

Jawapan :

(a)

(b)

Jadual: Kadar Cukai Pendapatan Individu untuk Tahun Taksiran 2020

Banjaran Pendapatan Bercukai (RM)	Pengiraan (RM)	Kadar (%)	Cukai (RM)
0 - 5 000	5 000 pertama	0	0
5 001 - 20 000	5 000 pertama 15 000 berikutnya	1	150
20 001 - 35 000	20 000 pertama 15 000 berikutnya	3	450
35 001 - 50 000	35 000 pertama 15 000 berikutnya	8	1 200
50 001 - 70 000	50 000 pertama 20 000 berikutnya	14	2 800
70 001 - 100 000	70 000 pertama 30 000 berikutnya	21	6 300
100 001 - 250 000	100 000 pertama 150 000 berikutnya	24	10 900
250 001 - 400 000	250 000 pertama 150 000 berikutnya	24.5	36 750
400 001 - 600 000	400 000 pertama 200 000 berikutnya	25	50 000
600 001 - 1 000 000	600 000 pertama 400 000 berikutnya	26	133 650
1 000 001 - 2 000 000	1 000 000 pertama 1 000 000 berikutnya	28	280 000
Melebihi 2 000 000	2 000 000 pertama Setiap ringgit berikutnya	30	517 650 ...

- 4 Jadual 4 menunjukkan pelepasan cukai Puan Faezah. Gaji bulanan Puan Faezah ialah RM5 450 pada tahun 2020. Gajinya dipotong sebanyak RM90 untuk potongan cukai bulanan (PCB). Dia juga mempunyai pendapatan pasif sebanyak RM18 400 pada tahun tersebut dan RM 12 600 daripada pendapatan pasif itu dikecualikan cukai.

Pelepasan cukai	Amaun (RM)
Individu	9 000
Ibu bapa	2 400
Gaya hidup	1 000
Insurans hayat	1 200
Insurans perubatan	2 400

Jadual

Pada tahun yang sama, Puan Faezah telah mendermakan sejumlah RM500 kepada badan kebajikan yang diluluskan oleh kerajaan. Bayaran zakat yang dibayar ialah RM 1500.

- (a) (i) Hitung jumlah pengecualian cukai dan jumlah pelepasan cukai Puan Faezah. Seterusnya, hitung pendapatan bercukai Puan Faezah.
- (ii) Hitung cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Puan Faezah.
- (b) Adakah Puan Faezah perlu membuat bayaran baki cukai pendapatan atau dia akan menerima lebih potongan PCB yang dipulangkan oleh pihak LHDN? Jelaskan jawapan anda.

Jawapan :

- (a) (i)

- (ii)

- (b)

- 5 Jadual 5 menunjukkan pelepasan cukai yang dituntut oleh Encik Suhaimi dan isterinya, Puan Aniza. Jumlah pendapatan tahunan Encik Suhaimi dan Pn Aniza pada tahun 2020 masing-masing ialah RM105 000 dan RM90 000. Mereka mempunyai 4 orang anak yang belum berkahwin di bawah 18 tahun. Pelepasan cukai setiap anak ialah RM2 000.

Pelepasan cukai	Encik Suhaimi	Puan Aniza
Individu (had RM9 000)	RM9 000	RM9 000
Ibu bapa(had RM3 000)	RM3 000	—
Gaya hidup(had RM 2 500)	RM2 000	RM1 500
Insurans hayat (had RM3 000)	RM3 000	RM 2 500
Insurans perubatan(had RM3 000)	RM2 500	RM2 500
KWSP(had RM4 000)	RM5 100	RM4 000

Jadual

- (a) Hitung cukai pendapatan bagi Encik Suhaimi dan isterinya jika mereka menggunakan taksiran bersama.
- (b) Hitung cukai pendapatan Encik Suhaimi dan isterinya dengan menggunakan taksiran yang berasingan sekiranya Encik Suhaimi dan Puan Aniza menuntut pelepasan cukai masing-masing bagi 2 orang anak . Seterusnya , beri justifikasi yang lebih sesuai untuk Encik Suhaimi dan Puan Aniza.


Jawapan :

(a)

(b)

TINGKATAN 3
PELAN DAN DONGAKAN

- 1 Rajah 1 menunjukkan gabungan pepejal separuh bulatan dan prisma tegak. Permukaan AEHILD ialah keratan rentas seragam prisma tegak itu. Segiempat EFGH ialah suatu satah mengufuk manakala segiempat tepat IJKL ialah suatu satah condong. Diberi $EH = FG = 3 \text{ cm}$



Rajah 1

Lukis dengan skala penuh

- (a) Pelan gabungan pepejal itu.
- (d) Dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan AD sebagaimana dilihat dari X .


Jawapan :

(a)

(b)

- 2 Sebuah pepejal berbentuk separuh silinder dicantumkan kepada prisma tegak dengan keratan rentas seragam pada satah $BCLJH$ untuk membentuk sebuah pepejal gabungan. Diberi bahawa diameter dan tinggi separuh silinder itu masing-masing ialah 4 cm dan 5 cm. Prisma itu mempunyai keratan rentas seragam $BCLJH$ yang berbentuk pentagon. Tepi AG , BH , CL dan DE ialah garis tegak, $GHJF$ dan $ELJF$ ialah satah condong. F dan J masing-masing adalah tegak di atas M dan N , dengan $FM = JN = 8$ cm. $AM = BN = 2$ cm dan $AD = BC = 6$ cm.

(b)



RAJAH 2

Lukiskan dengan skala penuh,


- (i) Dongakan pepejal gabungan itu pada satah mencancang yang selari dengan $BNQC$ sebagaimana yang dilihat dari X .
- (ii) Dongakan pepejal gabungan itu pada satah mencancang yang selari dengan AB sebagaimana yang dilihat dari Y .

Jawapan :

(a)

(b)

- 3 Rajah menunjukkan sebuah pepejal yang terdiri daripada gabungan dua buah prisma tegak dengan keratan rentas seragam $DEFGJ$ dan $NPST$ masing-masing. Tapak $EFNM$ dan $MNPQ$ adalah pada permukaan mengufuk. Tepi ED , GJ , TN dan SP adalah tegak. $GFNW$ dan $RSTU$ ialah permukaan condong. Diberi $JG = KW = 5$ cm dan $TN = 5$ cm.



Rajah


Dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan EF sebagaimana dilihat dari X .

Dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan FNP sebagaimana dilihat dari Y ,


Jawapan :

Dongakan arah *Y*
Elevation from Y

Dongakan arah *X*
Elevation from X



- 4 Rajah 9 menunjukkan sebuah pepejal berbentuk prisma tegak. Sebuah silinder dikeluarkan dari prisma tersebut yang berada di bahagian tengah pepejal. Tapak $ABGH$ terletak di atas satah mengufuk. Satah segi empat $EFGH$ ialah satah condong. $BCFG$ ialah keratas rentas seragam prisma itu. Tinggi silinder = $AB = AD = CF = EF = 6$ cm dan diameter silinder ialah 4 cm. Kedudukan silinder itu ialah 1 cm di atas satah $ABGH$ dan 2 cm dari satah $ABCD$.



Rajah


Lukis dengan skala 1 : 2,

- (a) Dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan BG sebagaimana dilihat dari Y ,
- (b) Pelan gabungan pepejal itu.

Jawapan :

Dongakan arah *Y*

Dongakan arah *X*



45°

Pelan

A vertical bar on the left side of the page, divided into three colored segments: red at the top, cyan in the middle, and yellow at the bottom.

MODUL 4

- MATRIKS
- PENAAKULAN LOGIK
- FUNGSI KUADRATIK
- PEMBESARAN DAN GABUNGAN TRANSFORMASI

TINGKATAN 5
MATRIKS

- 1 (a) Diberi bahawa matriks songsang bagi $\begin{pmatrix} 1 & -2 \\ 4 & -3 \end{pmatrix}$ ialah $\frac{1}{p}\begin{pmatrix} -3 & 2 \\ -4 & q \end{pmatrix}$

Cari nilai p dan q .

- (b) Tulis persamaan linear serentak berikut dalam bentuk persamaan matriks:

$$x - 2y = -1$$

$$4x - 3y = -1$$

Seterusnya, dengan menggunakan kaedah matriks, hitung nilai x dan y .

[6 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

- 2 (a) Diberi matriks $X = \begin{pmatrix} 5 & -3 \\ 4 & -1 \end{pmatrix}$, $Y = \begin{pmatrix} 6 & -2 \\ 7 & -1 \end{pmatrix}$ dan $Z = \begin{pmatrix} s-3 & s \\ 2 & -4 \end{pmatrix}$
- (i) Tentukan sama ada matrik X dan Y adalah sama. Justifikasikan jawapan anda.
 - (ii) X^2
 - (iii) $X^2 Y$
 - (iv) Jika matrik Z tiada matrik songsang. Cari nilai s .
- (b) Diberi bahawa $\begin{pmatrix} -9 & 8 \\ m & -5 \end{pmatrix} + \begin{pmatrix} 9 & n \\ -4 & -2 \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} 0 & 15 \\ -7 & -7 \end{pmatrix}$, cari nilai bagi m dan n .

[8 markah]

Jawapan :

- (a) (i)
 - (ii)
 - (iii)
 - (iv)
- (b)

3 (a) Diberi matriks $R = \begin{pmatrix} -1 & 5 \\ -1 & q \end{pmatrix}$ dan matrik $S = \begin{pmatrix} -1 & n \\ -7 & 6 \end{pmatrix}$. $RS = \begin{pmatrix} -34 & 34 \\ -41 & 40 \end{pmatrix}$,

Cari nilai n dan q .

- (b) Maya membeli tiga ekor ikan dan lima ekor ayam dengan harga RM60. Beza harga dua ekor ayam dan empat ekor ikan ialah RM11.

Tulis dua persamaan linear berdasarkan situasi di atas. Seterusnya, dengan menggunakan kaedah matrik cari harga seekor ikan dan ayam.

[7 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

4 (a) Diberi bahawa $P = \begin{pmatrix} 6 & -2 \\ 7 & -1 \end{pmatrix}$, $Q = \frac{1}{m} \begin{pmatrix} -1 & n \\ -7 & 6 \end{pmatrix}$ dan $PQ = \begin{pmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{pmatrix}$.

Cari nilai m dan n .

- (b) Ali menjual 100 ekor ternakan yang terdiri daripada kambing dan ayam. Bilangan kambing adalah 20 ekor kurang daripada dua kali bilangan ayam. Dengan menggunakan kaedah matrik. Cari bilangan kambing dan ayam.

[7 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

- 5 (a) Jika persamaan linear serentak $(m + 3)x + 4y = 20$ dan $(n - 1)x - 2y = 15$ tidak mempunyai penyelesaian. Ungkapkan m dalam sebutan n .
- (b) Mamat membeli kasut jenama A dan B pada harga diskaun masing-masing 20% dan 40% sepasang daripada harga asal masing-masing ialah RM40 dan RM50 sepasang. Dia menjual semula kesemua 115 pasang kasut tersebut dengan harga asal dan mendapat keuntungan sebanyak RM1280. Dengan menggunakan kaedah matrik. Cari bilangan kasut jenama A dan B.

[8 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

- 6 (a) Diberi bahawa $R = \begin{pmatrix} -1 & 8 \\ k & 2 \end{pmatrix}$, $S = \begin{pmatrix} -9 & 10 \\ -3 & 5 \end{pmatrix}$, dan $T = \begin{pmatrix} 8 & -2 \\ 6 & -3 \end{pmatrix}$, cari nilai k
- (i) apabila $S = R - T$,
- (ii) apabila matrik R tiada matrik songsang.
- (c) Beza jumlah unit saham yang dilabur oleh Rahmad di syarikat P dan Q ialah 150. Pada akhir tahun, komisen yang diberi oleh syarikat P dan Q bagi setiap unit saham masing-masing ialah RM2 dan RM3 dan jumlah semua komisen yang diterima ialah RM925. Dengan menggunakan kaedah matrik. Cari bilangan unit saham di syarikat P dan Q.

[9 markah]

Jawapan :

(a) (i)

(ii)

(b)

- 7 (a) Diberi bahawa $2\binom{m}{-2} - 3\binom{8}{n} = 2\binom{-5}{m}$, cari nilai bagi m dan n .
- (b) Raju menggunakan lampu jenama M dan N yang mempunyai jangka hayat masing-masing 12000 jam dan 15000 jam. Kadar penjimatan elektrik bagi kedua-dua lampu masing-masing adalah RM0.15 dan RM0.25 bagi setiap 100jam penggunaan. Jumlah lampu M adalah 10 kurang daripada 2 kali ganda bilangan lampu N. Jika beza jumlah penjimatan yang diperolehi sepanjang hayat semua M dan N itu adalah RM345. Dengan menggunakan kaedah matrik. Cari bilangan lampu M dan N yang digunakan oleh Raju. [9 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

TINGKATAN 4
PENAAKULAN LOGIK

1. (a) Nyatakan dua implikasi bagi pernyataan berikut :

$$y = x + 1 \text{ jika dan hanya jika } x = y - 1$$

- (b) Lengkapi pernyataan di bawah:

Premis 1 : Jika p adalah nombor genap, maka p boleh dibahagikan dengan 2.

Premis 2 : 52 ialah nombor genap

Kesimpulan :

- (c) Bina satu kesimpulan umum secara induktif bagi urutan nombor 1, 4, 7, 10, ... yang mengikut pola berikut :

$$1 = 1 + 3(0)$$

$$4 = 1 + 3(1)$$

$$7 = 1 + 3(2)$$

$$10 = 1 + 3(3)$$

$$\dots = \dots$$

Seterusnya, cari nombor bagi urutan ke 9.

- (d) Nyatakan akas dan songsangan bagi pernyataan yang berikut. Seterusnya, tentukan sama ada akas dan songsangan tersebut benar atau palsu.

$$\text{Jika } 2x > 8, \text{ maka } x > 4$$

[9 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

(c)

(d)

2. (a) Tulis dua implikasi berdasarkan pernyataan berikut :

$$A \subset B \text{ jika dan hanya jika } A \cap B = A'$$

- (b) Nyatakan sama ada pernyataan atau bukan pernyataan. Berikan justifikasi anda.

(i) $4^2 = 8$ atau $\sqrt[3]{-8} = -2$

(ii) $y + 5 = 9$

- (c) Tulis Premis 1 untuk melengkapkan hujah yang berikut.

Premis 1 :

Premis 2 : $6 \times p \neq 42$

Kesimpulan : $p \neq 7$

- (d) Bina kesimpulan umum secara induktif bagi urutan nombor 11, 23, 43, 71, ... yang mengikut pola berikut :

$$11 = 4(1^2) + 7$$

$$23 = 4(2^2) + 7$$

$$43 = 4(3^2) + 7$$

$$71 = 4(4^2) + 7$$

$$\dots = \dots$$

[9 markah]

Jawapan :

(a) (i)

(ii)

(b) (i)

(ii)

(c)

(d)

3. (a) Tentukan nilai kebenaran pernyataan majmuk ini

$$2^3 = 6 \quad \text{atau} \quad \frac{7}{2} = 3.5$$

- (b) Antejadian : penentu bagi matriks = 0
 Akibat : matriks tersebut tidak mempunyai matriks songsang
 Berdasarkan antejadian dan akibat di atas, bentuk:
- (i) Implikasi “jika p , maka q ”
 - (ii) Akas
 - (iii) Songsangan
 - (iv) Kontrapositif
- (c) Tentukan nilai kebenaran pernyataan matematik ini. Sekiranya palsu, berikan satu penyangkal.
- (i) $a^0 = 1$ bagi semua nilai a , kecuali $a = 0$
 - (ii) Semua nombor perdana adalah nombor ganjil

[9 markah]

Jawapan :

- (a) $2^3 = 6$ -
 $\frac{7}{2} = 3.5$ -
 $2^3 = 6$ atau $\frac{7}{2} = 3.5$ -
- (b) (i)
 (ii)
 (iii)
 (iv)
- (c) (i)
 (ii)

4. (a) Nyatakan sama ada ayat berikut merupakan pernyataan atau bukan pernyataan. Berikan justifikasi anda.

$$2 + 7 = 1 + 6$$

- (b) Nyatakan akas bagi pernyataan yang berikut. Seterusnya, tentukan sama ada akas tersebut benar atau palsu.

$$\text{Jika } p > 7, \text{ maka } p > 4$$

- (c) Nyatakan sama ada setiap pernyataan yang berikut **benar** atau **palsu**.

- (i) $\{ 0 \}$ adalah set kosong atau ϕ adalah set kosong.
- (ii) $\{ \}$ adalah set kosong dan ϕ juga adalah set kosong.

- (d) Premis 1 :

Premis 2 : $5a < 15$

Kesimpulan : $a > 3$

Berdasarkan hujah deduktif di atas :

- (i) Lengkapkan hujah di atas.
- (ii) Adakah hujah tersebut sah dan munasabah. Sekiranya tidak, berikan justifikasi anda.

[9 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

(c) (i)

(ii)

(d) (i)

(ii)

5. (a) Lengkapkan setiap pernyataan di bawah dengan pengkuantiti “semua” atau “sebilangan” supaya pernyataan tersebut menjadi pernyataan yang benar.
- (i) gandaan 5 adalah nombor genap.
 - (ii) heksagon mempunyai 6 sisi.
- (b) Di beri bahawa sudut peluaran bagi sebuah poligon sekata dengan n sisi ialah $\frac{360^\circ}{n}$. Saiz sudut peluaran bagi pentagon sekata ialah 72° . Saiz sudut peluaran bagi nanogon sekata ialah 40° .
- Tentukan jenis hujah di atas, Berikan justifikasi anda.
- (c) Premis 1: Jika m lebih kecil dari -2 , maka m ialah nombor negatif.
 Premis 2:
 Kesimpulan : -4 ialah nombor negatif.
 Berdasarkan hujah deduktif di atas :
- (i) Lengkapkan hujah di atas.
 - (ii) Adakah hujah tersebut sah dan munasabah. Sekiranya tidak, berikan justifikasi anda.
- (d) Bentuk kesimpulan induktif yang kuat bagi pola 6, 9, 14, 19,

[9 markah]

Jawapan :

- (a) (i)
- (ii)
- (b)
- (c) (i)
- (ii)
- (d)

6. (a)

$x = 4$ jika dan hanya jika $5x = 25$

Berdasarkan pernyataan di atas,

- (i) Tulis dua implikasi
- (ii) Nyatakan kontrapositif bagi implikasi 1 dan nilai kebenarannya.

- (b)
- | | | |
|------------|---|--|
| Premis 1 | : | 4 nombor genap, boleh dibagi tepat oleh 4. |
| Premis 2 | : | 8 nombor genap, boleh dibagi tepat oleh 4. |
| Premis 3 | : | 12 nombor genap, boleh dibagi tepat oleh 4. |
| Kesimpulan | : | Semua nombor genap, boleh dibagi tepat oleh 4. |

Berdasarkan hujah induktif di atas. Tentukan sama ada hujah yang diberikan kuat atau lemah. Seterusnya, tentukan sama ada hujah tersebut meyakinkan atau tidak. Berikan justifikasi anda.

- (c) Jumlah kenderaan yang lalu di atas jambatan Victoria untuk satu hala bagi setiap jam ialah $150n + 20$. Jika Ali memancing ikan di atas jambatan tersebut dari jam 10 pagi hingga 2 petang. Berapakah bilangan kenderaan yang telah menggunakan jambatan tersebut?

[9 markah]

Jawapan :

(a) (i)


(ii)

(b)

(c)

TINGKATAN 4 FUNGSI DAN PERSAMAAN KUADRATIK

1. Rajah 1 menunjukkan graf bagi $f(x) = -x^2 + 5x + 14$.



Rajah 1

Titik R dan titik S terletak pada paksi- x . T ialah titik minimum.

- (i) Tentukan koordinat titik R dan titik S.
- (ii) Nyatakan paksi simetri bagi graf itu.
- (iii) Nyatakan koordinat titik T
- (iv) Diberi garis lurus UV adalah selari dengan paksi- x . Tentukan koordinat titik V.

[9 markah]

Jawapan :

(i)

(ii)

(iii)

(iv)

- 2 (a) Selesaikan persamaan kuadrat yang berikut

$$\frac{-2p + 4}{3p} = \frac{p + 2}{2}$$

- (b)



Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan gambar Maya dan adiknya, Danial. Umur Maya $2q$ tahun, adalah 6 tahun lebih dari adiknya. Hasil darab umur mereka ialah 112. Bentukkan persamaan kuadrat berdasarkan maklumat tersebut. Seterusnya, hitung umur Danial.


[9 markah]

Jawapan :

- (a)


- (b)

- 3 (a) Rajah 3a menunjukkan graf fungsi $y = -x^2 - 2x + 8$ dengan keadaan k ialah pemalar. Lengkung itu mempunyai titik maksimum di A dan menyilang paksi- y di titik B . Lengkung itu juga menyilang paksi- x di titik P .



Rajah 3a

- (i) Tentukan nilai k .
(ii) Nyatakan koordinat bagi titik P
(iii) Tentukan persamaan paksi simetri.
- (b) Rajah 3b menunjukkan bentangan sebuah kuboid tegak.



Rajah 3b

Jika luas permukaan kuboid itu ialah 504 cm^2 . Hitung isipadu kuboid itu.

[9 markah]

Jawapan :


(a) (i)

(ii)

(iii)

(b)

- 4 (a) Diberi Rajah 4a ialah graf fungsi kuadratik $f(x)$. Koordinat titik minimum ialah $(m, -9)$.




Rajah 4a

Cari :

- (i) m dan n
(ii) Fungsi kuadratik $f(x)$

- (b) Rajah 4b menunjukkan sebuah pepejal berbentuk kon tegak berjejari k cm dan tinggi 20cm.



Rajah 4b

Sebahagian pepejal berbentuk kon tegak seperti yang dilorek berjejari 10 cm dan tinggi k cm dikeluarkan daripada pepejal asal itu. Baki pepejal yang tinggal ialah 7920cm^3 . Cari nilai k . (Guna $\pi = \frac{22}{7}$)

[9 markah]

Jawapan :


(a) (i)

(ii)

(b)

- 5 (a) Diberi fungsi kuadratik $f(x) = 4 - 3x - x^2$.
- Tentukan punca-punca.
 - Carikan koordinat bagi titik maksimumnya.

- (b) Rajah 5 menunjukkan sebuah pelancar roket menembak sasaran sebuah kubu K. Laluan roket itu menghasilkan fungsi kuadratik $y = f(x)$ dengan keadaan y ialah tinggi roket dan x ialah jarak mengufuk roket tersebut. Titik A ialah titik maksimum roket tersebut dengan andaian pelancar roket dan kubu berada di atas paksi x .



Rajah 5

- Cari koordinat pelancar roket.
- Cari fungsi kuadratik $f(x)$
- Sekiranya roket tersebut berjaya di pintas oleh pertahanan kubu tersebut pada kedudukan tertinggi roket itu. Nyatakan koordinat roket tersebut dipintas.

[9 markah]

Jawapan :

(a) (i)


(ii)

(b) (i)

(ii)

(iii)

- 6 (a) Diberi fungsi kuadratik, $f(x) = -x^2 + 5x + 14$.
- (i) Cari punca-punca fungsi kuadratik $f(x)$
- (ii) Seterusnya, lakar graf fungsi kuadratik tersebut.



Rajah 6 menunjukkan sebuah gambar dengan size 70 cm kali 40 cm dibingkaikan dengan tepi berlebar x cm di sekelilingnya. Jika jumlah luas permukaan adalah 3496cm^2 .

Cari lebar tepinya, x dalam cm.

[9 markah]

Jawapan :

(a) (i)

(ii)

(b)

- 7
- (a) Lakarkan graf fungsi $f(x) = x^2 + 5x + 6$
- (b) Diberi satu daripada punca persamaan kuadratik $x^2 - nx + 32 = 0$ adalah dua kali punca yang satu lagi. Cari nilai-nilai n yang mungkin.

[9 markah]


Jawapan :

(a)

(b)

TINGKATAN 5
KEKONGRUENAN, PEMBESARAN DAN GABUNGAN
TRANSFORMASI

- 1 Rajah 1 menunjukkan tiga heksagon A, B, C, titik P(5, 7) dan titik Q dilukis pada suatu satah Cartesan



Rajah 1

- (a) Transformasi T ialah translasi $\begin{pmatrix} -3 \\ 2 \end{pmatrix}$ dan transformasi R ialah putaran 90° lawan arah jam berpusat di Q. Nyatakan koordinat imej bagi titik P(5,7) di bawah transformasi berikut:
- (i) T
 - (ii) TR
- (b) (i) Tentukan sama ada heksagon A dan B adalah kongruen. Justifikasikan jawapan anda.
- (ii) Heksagon C ialah imej bagi heksagon B di bawah satu transformasi. Terangkan sepenuhnya transformasi tersebut.

[10 markah]


Jawapan :

- (a) (i)
- (ii)

(b) (i)

(ii)

- 2 Rajah 2 menunjukkan tiga pentagon ABCDE, FGHIJ dan FGLMN, dilukis pada suatu satah Cartesan.



Rajah 2

- (a) Tentukan sama ada pentagon ABCDE dan JKLMN mempunyai keserupaan objek geometri. Justifikasikan jawapan anda.
- (b) JKLMN ialah imej bagi ABCDE di bawah gabungan transformasi VU. Huraikan selengkapnya transformasi,
- (i) U
- (ii) V
- (c) Diberi bahawa luas kawasan berlorek ialah 112.5 m^2 . Hitung luas, dalam m^2 , pentagon ABCDE.

[10 markah]

Jawapan :


(a)

(b) (i)

(ii)

(c)

3 Rajah 3 menunjukkan sisiempat ABCD, EFGH and JKLM dilukis pada suatu satah Cartes.



Rajah 3

ABCD ialah imej bagi EFGH di bawah gabungan transformasi QP. Terangkan sepenuhnya,

(i) transformasi P

(ii) transformasi Q

(iii) transformasi tunggal R yang boleh mewakili gabungan transformasi QP.

[9 markah]


Jawapan :

(i)

(ii)

(iii)

- 4 Rajah 4 di bawah menunjukkan beberapa sisiempat dilukis pada suatu satah Cartes.



Rajah 4

Diberi bahawa transformasi

A = pantulan pada garis $x = 4$

B = putaran 180° pada pusat $(3, 4)$

C = pembesaran pada pusat $(4, 6)$ dengan faktor skala -2


- (a) Pada satah cartes Rajah 4, lakarkan imej bagi sisiempat D di atas bagi gabungan transformasi,
- (i) AB dan labelkan sebagai M
 - (ii) BA dan labelkan sebagai N
 - (iii) BC dan labelkan sebagai P
- (b) Adakah gabungan transformasi AB mematuhi sifat kalis tukar tertib.

[8 markah]

Jawapan :

(b)

- 5 Rajah 5 menunjukkan dua sisiempat, titik A dan titik B dilukis pada suatu satah Cartes.



Rajah 5

Transformasi P = translasi $\begin{pmatrix} 2 \\ -3 \end{pmatrix}$

Transformasi Q = pantulan pada paksi-y

Transformasi R = putaran 180° pada titik (2,4)


- (a) Tentukan sama ada setiap gabungan transformasi PQ bagi titik A mematuhi sifat kalis tukar tertib. Justifikasikan jawapan anda.
- (b) Tentukan imej titik A di bawah transformasi,
- (i) P
 - (ii) QR
- (c) Sisiempat U ialah imej bagi sisiempat T di bawah satu pembesaran.
- (i) Nyatakan pusat dan faktor skala pembesaran itu.
 - (ii) Diberi luas sisiempat U ialah 270 m^2 . Hitung luas dalam m^2 , kawasan yang diwakili oleh sisiempat T.

[9 markah]

Jawapan :

- (a)
- (b) (i)

- (ii)
 - (c) (i)
 - (ii)
- 6 (a) Rajah 6a di bawah menunjukkan beberapa sisiempat yang dilukis pada suatu satah Cartes.



Rajah 6a

Transformasi R ialah putaran 90° ikut arah jam pada pusat (1,2). Transformasi S ialah pantulan pada garis lurus $x = -1$. Nyatakan koordinat imej titik A(3,5) di bawah setiap gabungan transformasi berikut:

- (i) S
 - (ii) SR
- (b) Diberi sisiempat B dan C adalah imej bagi sisiempat A masing-masing dibawah transformasi M dan N. Terangkan selengkapnya,
- (i) Transformasi M
 - (ii) Transformasi N



Rajah 6b

- (c) Rajah 6b adalah asas logo berbentuk pentagon sekata yang mempunyai bentuk-bentuk di dalamnya. Tentukan sama ada bentuk yang terdapat pada logo tersebut merupakan suatu teselasi. Seterusnya, nyatakan salah satu transformasi isometri yang terlibat.

[9 markah]

Jawapan :

(a) (i)

(ii)

(b) (i)

(ii)

(c)

NOTA